

Siswazah NUS 'pejuang' alam sekitar

► **KHAIRULAMEER RAMLAN**
bhgah@sph.com.sg



PENCEMARAN ALAM: Sekumpulan sukarelawan (*gambar atas*) sedang membersihkan pantai semasa Hari Sekitaran Sedunia 5 Jun lalu. – Foto AFP

CAWAN, mangkuk serta sudu garpu pakai buang diperbuat daripada plastik kerap digunakan oleh tuan rumah pada musim mengunjungi rumah ke rumah di bulan Syawal ini.

Memang memudahkan tuan rumah kerana tidak perlu membasuh dan mengemas banyak kotoran.

Tetapi sayangnya, perkakas pakai buang itu sering kali tidak melalui proses kitar semula seterusnya kerana ia dibuang di tong sampah biasa, bukan tong hijau yang terdapat di estet-estet perumahan yang disediakan khas untuk mengitar semula.

Itulah yang menjadi keprihatinan Cik Nurul Aisyah Suwandi, 23 tahun, siswazah sarjana muda dalam Pengajian Alam Sekitar di Universiti Nasional Singapura (NUS) berdasarkan pemerhatiannya mengenai sikap masyarakat terhadap alam sekitar.

Walaupun penggunaan kutleri pakai buang dianggap ringkas dan memudahkan, namun, demi menjaga sekitar alam, beliau berusaha menggalakkan penggunaan perkakas biasa yang boleh digunakan secara berulang.

Sejak mengikuti pengajian tersebut, Nurul Aisyah mula memupuk sifat mengurugi sisa karbon dan berusaha mengitar semula seberapa mungkin.

“Saya belajar betapa banyaknya manusia menghasilkan sisa buangan setiap tahun dan bagaimana ia boleh menjejaskan hidupan laut dan liar.

Oleh itu, ia suatu keperluan bagi kami memainkan peranan masing-masing dalam mengurangkan jejak karbon,” ujar beliau yang dijadual menerima ijazahnya pada 19 Julai ini.

Penggunaan jerami besi yang boleh diguna semula serta amalan membawa beg sendiri supaya penggunaan beg plastik boleh dikurangkan kini merupakan antara yang beliau praktikkan.

“Saya bermula dengan mempengaruhi keluarga saya dahulu agar memiliki sifat mencintai, melindungi dan akhirnya menyelamatkan alam

sekitar kami. Tapi dengan rakan-rakan saya ini susah sedikit,” gelaknya.

Semangat beliau untuk terus menyelamatkan alam sekitar memberinya peluang mewakili NUS dalam sesi Dialog Ekosifiti Belia Temasek yang diadakan pada Mac hingga bulan lalu.

Sesi dialog tersebut melibatkan sekitar 100 mahasiswa dari Singapura serta wakil sembilan negara Asean termasuk Singapura.

Dialog tersebut adalah anjuran bersama Yayasan Temasek Antarabangsa serta Sekolah Pendidikan



KURANGKAN JEJAK KARBON: Cik Nurul Aisyah Suwandi, siswazah sarjana muda dalam Pengajian Alam Sekitar di Universiti Nasional Singapura (NUS) berusaha meningkatkan kesedaran orang di sekelilingnya mengenai pemuliharaan alam sekitar. – Foto KHAIRULAMEER RAMLAN

Lanjutan & Sepanjang Hayat (Scale) di NUS.

Tujuannya ialah supaya mereka lebih memahami apakah kelebihan fungsi pembangunan mampan serta membolehkan mereka untuk berangkaian dengan pemimpin korporat di Persidangan Ekosperiti Temasek

2018 yang diadakan pada Jun lalu sempena Hari Persekitaran Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu.

“Saya kini bersikap terbuka bagi sebarang peluang setelah tamat pengajian saya di NUS.

“Namun, saya mempunyai minat bekerja dengan organisasi pemerintah atau swasta yang punya minat

yang sama dalam memulihara serta melindungi alam sekitar,” ujarnya.

Menurutnya, sifat mencintai alam sekitar serta tabiat kitar semula dan mengurangkan pembaziran amat penting dalam kehidupan manusia masa kini dan sewajarnya diajar kepada kanak-kanak demi masa depan lebih sihat dan hijau.